

19 SEP, 2025

Menyalakan harapan Malaysia, kisah nyata pelanggan legasi TNB

Kosmo, Malaysia



Menyalakan harapan Malaysia, kisah nyata pelanggan legasi TNB

BEKALAN elektrik yang telah dimanfaatkan sejak dahulu lagi bukan sahaja mengubah kehidupan rakyat yang tinggal di bandar tetapi di seluruh pelosok negara tidak mengira bangsa, agama dan taraf hidup.

TNB juga menjadi penggerak utama dalam usaha ini bagi memastikan segenap lapisan masyarakat mendapat manfaat, malah menjadi pemacu kepada pelbagai aktiviti ekonomi untuk pembangunan negara sekali gus menjadi pemangkin ke arah Malaysia mencapai ke tahap kejayaan sekarang.

Rata-rata warga emas yang ditemui di tiga buah negeri menghargai usaha TNB dan mengucapkan terima kasih kerana melalui manfaat tersebut, kehidupan mereka menyara keluarga dan memastikan segala keperluan anak-anaknya membesar dalam situasi yang menyenangkan.

Seorang penduduk Orang Asli Kampung Kundang di sini, Lina Lingau, 50, berkata, elektrik bukan sekadar memberikan cahaya kepada mereka tetapi memberikan sinar dan masa depan kepada masyarakat Orang Asli.

Ibu kepada lapan anak itu berkata, sebelum elektrik 'masuk' ke kawasan kampung itu hampir 20 tahun lalu, mereka hanya mengharapkan unggun api yang dinyalakan di hadapan rumah untuk menerangi keluarga.

"Dulu kami kena masuk hutan pada waktu siang mencari sejenis kayu yang boleh terbakar lama untuk dinyalakan di hadapan rumah bagi menerangi sepanjang malam.

"Sekarang tidak perlu lagi nak masuk hutan untuk cari kayu api, sebab sudah ada elektrik memudahkan urusan harian.

"Mak cik dan anak-anak serta masyarakat Orang Asli di sini mengucapkan terima kasih kepada TNB kerana menerangi kami dan memberikan kemudahan kepada kami supaya kami tidak lagi ketinggalan," katanya di sini baru-baru ini.

Katanya, elektrik juga memberikan keselesaan kepada mereka untuk melakukan aktiviti harian seperti membasuh, mengemas telefon dan sebagainya.

Malah, apa yang lebih bermakna adalah semua anak-anaknya mula bersekolah apabila elektrik mula memasuki kampung berkenaan seterusnya dapat memastikan anak-anaknya dapat bersaing dengan masyarakat lain.

"Dulu masa tiada elektrik, anak-anak mak cik memang tidak mahu ke sekolah, namun selepas elektrik masuk mereka sudah mula mahu ke sekolah.

Selain itu, Pesara Guru, Embong Muda yang sudah menjang-



KAKITANGAN TNB sentiasa menawarkan bantuan dan khidmat kepada semua rakyat tanpa mengira lokasi di kampung atau di bandar.

kau umur 101 tahun, masih mengingat detik permulaan dia dan keluarganya yang menetap di Kampung Sungai Rengas di sini, mula-mula menikmati bekalan tenaga elektrik lebih 50 tahun lalu.

Lelaki warga emas yang bergelar pendidik sejak awal tahun 1950-an itu berkata, rumahnya dilengkapi kemudahan tenaga elektrik pada tahun 1974 sekali gus menjadi pemangkin kepada kemajuan perkampungannya.

"Pada peringkat awal, kami hanya menerima bekalan tenaga elektrik selama 12 jam sehari iaitu antara pukul 7 pagi hingga 7 malam.

"Tutupun sudah begitu syukur dan seronok kerana sebelum itu kehidupan malam kami hanya diterangi oleh pelita minyak tanah dan lampu gasolin," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sungai Rengas, Kuala Terengganu baru-baru ini.

Embong berkata, tugasnya untuk mendidik anak bangsa pada mulanya juga turut berdepan banyak kekangan berikutan dua sekolah awalnya di Sungai Rengas di sini dan Bukit Diman, Hulu Terengganu masih belum dilengkapi bekalan tenaga elektrik.

Bapa kepada 11 anak itu berkata, beliau mula merasa nikmatnya mengajar dengan sekolah yang dilengkapi tenaga elektrik apabila bertugas di sekolah ketiga di Bukit Besi, Dungun pada tahun 1960-an.

"Pada masa itu, Bukit Besi merupakan antara bandar termaju di Terengganu berikutan kepesatan industri perlombongan bijih besi. Tidak hairanlah sekolah itu lengkap pelbagai kemudahan yang memudahkan proses pengajaran saya dan guru-guru lain.

"Waktu itu timbul rasa cembu-



LINA LINGAU



EMBONG MUDA



CHE SU LONG

ru dengan harapan agar kampung saya (Kampung Sungai Rengas) juga dapat menerima bekalan api (tenaga elektrik) demi kesejahteraan isteri dan anak-anak yang tinggal

di kawasan tersebut," katanya.

Embong bersyukur doanya termakbul apabila kampung asalnya turut 'diterangi' tenaga elektrik hasil inisiatif Lembaga Letrik Negara (kini Tenaga Nasional Berhad) tidak sampai 10 tahun selepas itu.

Sehubungan itu, beliau menasihati generasi muda agar memanfaatkan kemudahan canggih pada masa ini untuk menimba ilmu sebanyak mungkin sempena sambutan Hari Malaysia baru-baru ini.

"Sekarang bukan sahaja kita selesa belajar di sekolah, malah ilmu mudah boleh diperolehi hanya di hujung jari berkat teknologi berikutan kemudahan tenaga elektrik," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Padang Gunung, di sini, Che Su Long, 69, masih ingat lagi bagaimana kehidupan keluarganya bergantung kepada pelita gas untuk menerangi rumah pada waktu malam.

"Waktu siang kami tak menghadapi masalah sebab ada cahaya matahari tetapi bila malam suasana kampung dan rumah jadi suram kerana tiada lampu.

"Saya, kakak dan dua adik terpaksa menggunakan pelita gas untuk belajar dan tiada aktiviti lain yang boleh dilakukan.

"Biasanya kami tidur awal, sekitar pukul 9 malam," katanya yang tinggal bersama ibunya, Pia Kasim, yang sudah berumur 101 tahun, di rumah mereka di kampung tersebut, baru-baru ini.

Kata ibu kepada dua anak itu, pembekalan elektrik bukan sahaja mengubah kehidupan keluarganya, malah seluruh penduduk kampung.

"Semua seronok bila dah ada elektrik, benda yang susah jadi mudah. Nak belajar pun lebih

selesa sebab ada lampu yang terang-benderang.

"Orang kampung pula ramai yang mula berniaga. Bila dah ada lampu, mudahlah mereka nak buat kuih untuk jualan.

"Suasana kampung pun berubah jadi lebih ceria," ujarnya.

Jelasnya, televisyen dan peti sejuk merupakan antara barangan terawal yang dibeli sebaik rumahnya menerima bekalan elektrik sekitar tahun 1970-an.

"Bila ada televisyen, barulah kami tahu tentang dunia luar, apa yang berlaku. Sebelum itu, kalau nak tahu apa-apa berita kenalah keluar bersembang dan bertanya dengan penduduk.

"Sebelum ada elektrik, susah nak simpan ikan sebab tiada peti sejuk. Kalau beli banyak, kami terpaksa lengat ikan, iaitu dilumurkan dengan garam dan asam jawa sebelum dikukus. Kalau disimpan elok, boleh tahan lima hingga enam hari," katanya.

Katanya lagi, dia bersyukur kerana melahirkan anak sulungnya di rumah pada tahun 1974, iaitu ketika kampung itu sudah menerima bekalan elektrik.

Tambahnya, betapa besar makna bekalan elektrik dalam kehidupan, justeru generasi muda perlu belajar bersyukur kerana mereka dapat menikmatinya tanpa perlu melalui kesulitan seperti dahulu.

"Sekarang ini, bila bekalan elektrik terputus sekejap pun sudah tidak boleh duduk. Dengan adanya elektrik, semua jadi lapang dan lebih mudah."

"Mereka juga dapat membaca buku dan membuat kerja sekolah pada malam hari, tidak risau lagi dimarahi guru semasa di sekolah."

"Dengan adanya elektrik jadi anak-anak mak cik juga bersemangat untuk ke sekolah dan mak cik juga bersemangat setiap hari," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Norashikin Cheemeng, 21, berkata, dia bersama ibu dan anak-anaknya sememangnya bersyukur dengan adanya elektrik yang dapat memastikan mereka dapat menikmati nikmat pembangunan negara seperti orang lain.

Katanya, dengan adanya elektrik dia bertekad membesarkan anak-anaknya dan memberikan mereka pendidikan ke peringkat tertinggi agar mereka juga berjaya seperti mana orang lain.

Orang ramai boleh mendapatkan keterangan lanjut mengenai projek elektrifikasi luar bandar di Semenanjung Malaysia melalui pautan: <https://www.tnbes.com.my/portfolio/elektrifikasi-luar-bandar-di-semananjung-malaysia/?lang=ms>.